

KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN	
TARIKH	:	25/9/2019	MUKA SURAT : 26
JABATAN	:	UMUM	
KLASIFIKASI	:	MAKLUMAN	

Semai Satu Benih, Hidupkan Sebuah Hutan

Kempen kerjasama Guardian, Botaneco Garden, DBKL menghijaukan bumi

BUKAN hanya berperanan sebagai peneraju rantaian jualan runcit farmasi, kesihatan dan kecantikan di Malaysia, Guardian Malaysia turut menjalankan tanggungjawab menghijaukan bumi.

Kempen *Semai Satu Benih, Hidupkan Sebuah Hutan* telah dibawa ke hadapan oleh produk Botaneco Garden yang beriltikan alam sekitar dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Satu peratus daripada hasil jualan produk Botaneco Garden di rangkaian Guardian seluruh negara akan disalurkan kepada usaha penanaman pokok hutan hujan berkanopi luas.

Ta bertujuan membantu memberi teduhan di kawasan berhampiran tasik utama di Taman Antarabangsa Bukit Jalil yang dituruskannya oleh DBKL.

Pengurus Pemasaran, Kesihatan dan Kecantikan, South East Asia Guardian Health & Beauty Sdn Bhd, Michelle Yeap berhasrat, kempen itu dapat menyebarkan mesej cintakan dan menghormati alam sekitar.

"Kami berharap pelanggan menyokong inisiatif yang dibuat dan berkinerja ke Taman Antarabangsa Bukit Jalil untuk

melihat sumbangan mereka.

"Botaneco Garden bekerjasama dengan DBKL untuk merealisasikan inisiatif ke arah 70 Menjelang 30, selari dengan rangka tindakan Kuala Lumpur rendah karbon pada tahun 2030. Pengurangan intensiti pengeluaran karbon disasarkan kepada 70 peratus menjelang tahun 2030," kata Michelle dalam kenyataannya mediana baru-baru ini mengenai program yang sudah kali ketiga dijalankan itu.

Taman Antarabangsa Bukit Jalil distatikan satu lokasi ideal bagi inisiatif *Semai Satu Benih, Hidupkan Sebuah Hutan* kerana statusnya sebagai taman perbandaran yang popular untuk aktiviti pelajaran kaki, jogging dan aktiviti riadah bersama keluarga.

Dalam pada itu, Pengarah Jabatan Perancangan Korporat, DBKL, Norhaslinda Nordin berkata, pihaknya berhasrat lebih ramai pihak akan terinspirasi dengan kempen itu.

Lima pokok yang telah disenarai pendek adalah *Diospyros pilosanthera* (kayu arang), *Shorea roxburghii* (meranti temak nipis), *Hydnocarpus spp* (setumpol), *Dyobalanops aromatica* (kapur) dan *Parashorea densiflora* (getutu pasir).



LIMA pokok yang ditanam pada kempen *Semai Satu Benih, Hidupkan Sebuah Hutan*.